

16/10/2002

Israel patut diserang, bukan Iraq: Dr Mahathir

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia hari ini mempersoalkan mengapa Iraq dan bukan Israel yang diserang, sedangkan rejim Yahudi itu memiliki senjata nuklear yang perlu dihapuskan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tindakan terhadap Iraq pula hanya semata-mata berdasarkan kemungkinan negara itu memiliki senjata nuklear.

"Jika anda menyerang sesebuah negara hanya berdasarkan kemungkinan, maka semua negara lain akan diserang. Mereka seharusnya menyerang Israel," kata Perdana Menteri selepas merasmikan Persidangan Nuklear Antarabangsa 2002 di sini.

Selain lima kuasa nuklear dunia, iaitu Amerika Syarikat, Russia, China, Perancis dan Britain, negara seperti Pakistan, India dan Israel juga mempunyai keupayaan mengeluarkan nuklear.

Pada sidang akhbar itu, seorang wartawan asing meminta Dr Mahathir menamakan negara yang dimaksudkannya dalam ucapan pada majlis itu yang antara lain menyatakan ada kecenderungan beberapa negara untuk menghakimi negara tertentu yang membangunkan senjata nuklear.

Perdana Menteri menjawab: "Saya tidak mahu spesifik, tetapi satu perkara yang saya tahu ialah tiada tekanan dikenakan terhadap Israel untuk melucutkan senjata nuklear mereka, tetapi terdapat begitu banyak tekanan terhadap negara lain."

Menjawab soalan lain daripada wartawan sama, Dr Mahathir berkata negara sekutu Malaysia adalah mereka yang mahu melihat keamanan dan tidak ambil kisah mengenai senjata nuklear.

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata sekarang wujud kecenderungan beberapa negara untuk menghakimi negara tertentu yang dituduh memiliki atau berhasrat membangunkan senjata nuklear, tanpa menghiraukan penemuan atau jalan penyelesaian yang dicadangkan pelbagai pihak yang diberi kuasa untuk membuat penghakiman seperti itu.

"Kita sudah melihat bagaimana berat sebelah penghakiman satu pihak. Jika sesebuah negara yang membangunkan senjata itu adalah sekutunya, tiada tindakan diambil untuk menghalang pembangunan, pemilikan atau untuk mengenakan kawalan terhadap senjata nuklear itu.

"Jika bukan sekutu, ia akan menunjukkan kemarahannya dan mengenakan segala kekuatan ketenteraannya terhadap negara terbabit," katanya.

Sehubungan itu, katanya, Malaysia dan sekutunya mahu Mahkamah Keadilan Antarabangsa menilai sama ada sebarang ancaman atau penggunaan senjata nuklear sah mengikut undang-undang antarabangsa.

Katanya, satu dialog antarabangsa perlu diadakan segera untuk mencari pendekatan pelbagai pihak dalam melucutkan dan menghalang penyebaran senjata nuklear untuk mengelakkan akibat buruk.

Katanya, oleh kerana satu pihak cenderung bertindak sendiri sebagai pendakwa raya, hakim dan juri antarabangsa, kini muncul ancaman dari negara berkenaan untuk melancarkan serangan terhadap negara yang didakwa membangunkan senjata nuklear dengan menggunakan alasan untuk memerangi keganasan.

Pada masa sama, kata beliau, kurangnya prinsip moral dalam mengusahakan kawalan eksport nuklear, perlucutan senjata dan kecenderungan untuk bertindak terhadap yang lain dalam hal yang tidak berkaitan dengan penyebaran senjata nuklear, akan membawa akibat buruk yang boleh mengancam matlamat menghalang penyebaran nuklear.

Dr Mahathir berkata, tindakan satu pihak ini bukan hanya menyebabkan lebih banyak negara rasa terancam, malah boleh menyebabkan negara terancam itu mengambil tindakan sendiri menggunakan keganasan termasuk keganasan nuklear.

"Lebih berbahaya apabila negara terancam ialah negara yang sebahagian besar penduduknya adalah daripada agama tertentu. Ini akan menyebabkan timbulnya pendapat bahawa negara dan penduduk dengan agama itu dianiaya," katanya.

Beliau berkata, Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang mematuhi ajaran Islam fundamental, akan mengusahakan dialog antara agama untuk menggalakkan keamanan global dan keselamatan.

Tetapi katanya, tindakan menganiaya dalam hal berkaitan usaha menghalang penyebaran senjata nuklear dan pelucutan senjata itu akan menjejaskan usaha berkenaan.

Perdana Menteri berkata, forum sebenar untuk menyediakan satu saluran bagi dialog antarabangsa, khasnya Persidangan Kajian Semula Perjanjian Menghalang Penyebaran Senjata Nuklear (NPT), gagal menganjurkan dialog itu.

"Begitu juga Persidangan Pelucutan (CD) di Geneva yang tergendala kerana keengganan negara berkenaan untuk mengaitkan isu seperti larangan ujian senjata nuklear dan menghentikan pengeluaran material nuklear dalam memajukan jadual waktu bagi pelucutan senjata nuklear," katanya.